

06 MAR 2000

ASLI-INDONESIA

DR MAHATHIR BERI UCAPTAMA DI FORUM PERNIAGAAN M'SIA-INDONESIA

KUALA LUMPUR, 6 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadualkan memberi ucap tama di Forum Perniagaan Malaysia-Indonesia yang diadakan sempena lawatan rasmi beliau ke Jakarta pada 9 Mac ini, kata Ketua Pegawai Eksekutif Institut Strategi & Kepimpinan Asia (ASLI) Datuk Michael Yeoh.

Dalam kenyataannya di sini hari ini, beliau berkata 300 ahli perniagaan dari Malaysia dan Indonesia dijangka akan menghadiri forum yang dianjurkan bersama oleh ASLI dan Kadin (Dewan Peniagaan Indonesia) serta CSIS (Pusat Kajian Strategik & Antarabangsa, Jakarta).

Forum yang bertemakan "Hubungan Malaysia-Indonesia Dalam Abad ke21" itu akan membincangkan bidang-bidang kerjasama dan membolehkan ahli-ahli perniagaan Malaysia melihat sendiri peluang perniagaan dan pelaburan di Indonesia, katanya.

Yang lebih penting, katanya, matlamat forum itu adalah untuk memperkukuhkan hubungan dua hala, khususnya dalam bidang perniagaan dan ekonomi.

Selain Dr Mahathir, Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid turut dijadualkan berucap di forum itu pada sesi makan tengah hari yang akan diadakan di Istana Nasional Indonesia.

Yeoh menambah bahawa kira-kira 60 pemimpin perniagaan Malaysia yang diketuai oleh Presiden Dewan Perniagaan dan Industri Kebangsaan dan Pengerusi Penerbangan Malaysia Tan Sri Tajudin Ramli, akan menjadi sebahagian daripada delegasi yang mengiringi Dr Mahathir ke Jakarta.

Sementara itu, beliau berkata ASLI akan mengadakan Sidang Kemuncak Pendidikan Kebangsaan pada 13 dan 14 Mac ini dengan Menteri Pendidikan Tan Sri Musa Mohamed memberikan ucap tamanya, dan Sidang Kemuncak Malayan Banking 2000 pada 24 dan 25 April dengan ucap tama oleh Gabenor Bank Negara Malaysia Tan Sri Ali Abul Hassan Sulaiman. -- BERNAMA

MK JR